

## ADAPTASI TEORI TINGKAH LAKU TERANCANG DALAM MENGANALISIS NIAT MELAKUKAN WAKAF TUNAI

*Adaptation Theory of Planned Behavior In Analyzing Intentions To Do Cash Waqf*

**Junaida Binti Basiron<sup>1\*</sup>**

**Mohd Zawavi Bin Zainal Abidin<sup>2</sup>**

**Fahmi Zaidi Bin Abd Razak<sup>3</sup>**

<sup>1,2,3</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS), 25150 Kuantan,

\*Corresponding author (Email: g-92028493@moe-dl.edu.my)

Diterima: 26 Februari 2024, Diproses: 5 February 2024, Diterbitkan : 31 Mac 2024

**Abstrak:** Dari perspektif Islam, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis niat individu untuk berwakaf tunai, dengan menggunakan pendekatan teori tingkah laku terancang (TPB). Seramai 100 responden guru sekolah rendah di daerah Mersing Johor terlibat sebagai sampel kajian yang dipilih secara kaedah persampelan rawak mudah. Data yang diperoleh daripada responden kemudiannya telah dianalisis menggunakan perisian SmartPLS 3.39. Hasil kajian menemui dua daripada empat konstruk iaitu norma subjektif dan promosi mempunyai hubungan yang signifikan dengan niat berwakaf tunai. Sebaliknya dua konstruk iaitu kawalan tingkah laku dan sikap tidak mempunyai hubungan signifikan dengan niat berwakaf tunai. Penemuan ini mengindikasikan bahawa wakaf tunai dianggap sebagai bentuk wakaf yang praktikal, mudah, dan sesuai bagi responden, berbanding dengan bentuk wakaf lain. Oleh itu, pemahaman mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi niat individu untuk berwakaf tunai dapat membantu meningkatkan amalan wakaf dalam kalangan masyarakat. Kajian ini memberikan sumbangan penting dalam memahami pandangan responden tentang wakaf tunai sebagai bentuk sedekah dalam Islam, dan bagaimana usaha pihak berkuasa dalam mengambil langkah meningkatkan pemahaman dan galakan kepada masyarakat Islam tentang wakaf tunai merupakan sebahagian perbuatan amal jariah yang menjurus ke arah kelestarian ekonomi Islam.

**Kata Kunci:** Guru Sekolah Rendah, Teori Tingkah laku Terancang (TPB), Niat, Wakaf Tunai

**Abstract:** From an Islamic perspective, this study was conducted with the aim of analyzing individuals' intentions to donate cash, by using the theory of planned behavior (TPB) approach. A total of 100 primary school teacher respondents in the Mersing district of Johor were involved as a study sample selected by simple random sampling. The data obtained from the respondents was then analyzed using SmartPLS 3.39 software. The results of the study found that two of the four constructs, namely subjective norms and promotion, have a significant relationship with the intention of cash waqf. On the other hand, two constructs namely behavioral control and attitude have no significant relationship with the intention to participate in cash waqf. This finding indicates that cash waqf is considered a practical, easy, and suitable form of waqf for respondents, compared to other forms of waqf. Therefore, understanding the factors that influence individuals' intentions to give cash waqf can help improve the practice of waqf in the community. This study provides an important contribution in understanding the respondents' views on cash waqf as a form of charity in Islam, and how

*the efforts of the authorities in taking steps to increase the understanding and encouragement of the Muslim community about cash waqf is part of charitable acts that are directed towards the sustainability of the Islamic economy.*

**Keywords:** *Primary School Teacher, Theory of Planned Behavior (TPB), Intention, Cash Waqf*

---

## **PENGENALAN**

Wakaf merujuk kepada tindakan menyisihkan atau mendermakan harta atau harta benda untuk tujuan kebajikan atau kemanusiaan. Ia merupakan istilah Arab yang biasa digunakan dalam konteks ini. Wakaf dilakukan dengan mengalihkan pemilikan harta tersebut kepada entiti wakaf, seperti masjid, institusi amal, atau yayasan, yang bertanggungjawab untuk mengurus dan memfaatkannya mengikut tujuan wakaf yang ditetapkan. Al-Zuhayli (2012) mendefinisikan wakaf dari sudut bahasa bermaksud penahanan atau pencegahan. Manakala dari sudut sistem perundangan Islam, wakaf merupakan satu cara menahan harta yang diberi kepada pihak lain untuk diuruskan, dan manfaat diambil dan disalurkan kepada tertentu untuk kebaikan.

Wakaf sangat popular kerana ia merupakan instrumen pelaburan sosial yang boleh membiayai pelbagai aktiviti ekonomi yang memberi manfaat kepada masyarakat. Matlamat utama wakaf adalah untuk memberi manfaat jangka panjang kepada masyarakat atau golongan tertentu. Aset yang didermakan boleh berupa tanah, bangunan atau aset lain, dan pendapatan atau faedah yang diperolehi daripada wakaf biasanya digunakan untuk menyokong pembangunan di lokasi tersebut. Wakaf juga berperanan sebagai penggerak dan mekanisme pembangunan pelbagai kemudahan, seperti meningkatkan tahap akademik, kesihatan, membina tempat ibadat, memperkukuh pertahanan negara, menyokong aktiviti sosial, membina sahsiah, dan pada masa yang sama mengeratkan hubungan silaturahim sesama umat Islam.

Wakaf mempunyai prinsip asas yang melibatkan keabadian, dan manfaat berterusan. Ini bermakna harta yang didermakan itu dianggap kekal, tidak boleh dijual, dan manfaatnya perlu dipelihara untuk kepentingan rakyat sepanjang masa. Wakaf merupakan amalan biasa khususnya dalam agama Islam di mana ia digalakkan sebagai satu bentuk sedekah. Pewakaf mendapat pahala berpanjangan, dan ini dianggap antara amalan yang paling agung untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Amalan berwakaf membuka pintu kebaikan selagi harta yang disedekahkan masih ada dan boleh dimanfaatkan walaupun selepas pewakaf meninggal dunia.

## **SOROTAN KARYA**

### **Konsep Wakaf Tunai**

Konsep wakaf tunai merupakan inovasi dalam agama Islam yang memperkenalkan bentuk wakaf yang berbeza daripada wakaf tradisional yang melibatkan harta seperti tanah, bangunan, atau harta lain. Dalam wakaf tunai, individu menyumbangkan dana dalam bentuk wang tunai untuk tujuan amal dan kesejahteraan masyarakat. Matlamatnya adalah untuk menggunakan hasil dan pulangan daripada dana tersebut bagi membiayai projek-projek sosial, pendidikan, dan pembangunan institusi keagamaan (Shariff & Hospital, 2021).

Kajian terdahulu oleh Cengiz Toraman et al., (2007) menunjukkan kejayaan wakaf tunai dalam meringankan beban empayar Uthmaniyyah. Wakaf tunai menyediakan pembiayaan untuk pembangunan kemudahan asas agama, pendidikan, kesihatan dan kebajikan masyarakat setempat. Kejayaan ini meningkatkan martabat wakaf sebagai aset penting dalam kemajuan

masyarakat. Islam (2022), wakaf tunai diterima baik di banyak negara termasuk India, Pakistan, Iran, Mesir, Singapura dan Malaysia. Penubuhan institusi wakaf membuka peluang pekerjaan dan membantu mengatasi masalah pengangguran yang menjadi faktor utama mengurangkan taraf ekonomi masyarakat Islam. Justeru, wakaf tunai bukan sahaja menyokong pembangunan infrastruktur tetapi juga memberi manfaat sosial dan ekonomi yang ketara kepada masyarakat setempat.

Jumhur ulama bersetuju bahawa wakaf melibatkan pegangan aset yang boleh digunakan dan memastikan aset ini terpelihara. Wakaf juga melibatkan arahan bahawa penggunaan aset akan ditentukan oleh pewakaf atau individu lain, dengan niat untuk mendekati diri kepada Allah SWT. Pendekatan Mazhab Maliki menyatakan bahawa pemilik harta boleh memanfaatkan hasil atau faedah yang diperolehi daripada pewakaf seperti melalui sewa atau pemberian wang kepada yang memerlukan, dalam tempoh yang ditentukan oleh pewakaf. Mazhab Maliki juga percaya bahawa wakaf tidak membatalkan hak pemilik harta ke atas harta yang disedekahkan, tetapi hanya mengehendkan hak untuk menggunakannya.

Pada tahun 2007, Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam di Malaysia telah mengeluarkan keputusan mengesyorkan pelaksanaan wakaf tunai. Walaupun keputusan ini tidak dikuatkuasakan di semua negeri, Biro Fatwa Negeri telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan ijtihad di peringkat negeri, memberikan kelulusan pelaksanaan wakaf tunai oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Realisasi hasrat ini dilaksanakan oleh setiap negeri di Malaysia di bawah MAIN, bertujuan untuk meningkatkan ekonomi Islam mengikut prinsip masing-masing.

### **Saham Wakaf Johor (SWJ)**

Dalam perkembangan terkini, wakaf telah mengalami transformasi dengan pendekatan baharu khususnya melalui Saham Wakaf Johor. Perkongsian ini merupakan satu inovasi yang memudahkan umat Islam yang tidak mempunyai harta tetap untuk menderma melalui sumbangan wang tunai. Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) menyediakan SWJ sebagai pelaburan dalam saham Islam yang dipantau rapi di bawah undang-undang. Setiap unit saham yang dibeli akan diuruskan oleh MAINJ untuk projek produktif yang menguntungkan, dengan hasil akan kembali kepada masyarakat Islam. Bagi melaksanakannya, MAINJ telah melibatkan syarikat korporat Johor Corporation (Jcorp) dalam menguruskan aset wakaf dan Saham Wakaf Johor, menunjukkan langkah proaktif dalam menggunakan dana tunai untuk kemajuan masyarakat Islam dalam konteks ekonomi moden

Menurut Nur Alya Sabreena et al., (2020), wujud hubungan kerjasama yang erat antara MAINJ dan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM). YWM memainkan peranan penting dalam menyelaraskan pelaksanaan wakaf tunai di seluruh Malaysia, termasuk inisiatif seperti Saham Wakaf Johor. Kerjasama ini bertujuan untuk memasukkan kutipan derma wakaf tunai dari seluruh negara, bukan hanya terhad kepada rakyat di Johor sahaja. Bagaimanapun, MAINJ tidak mempunyai kuasa untuk mengutip dana wakaf terus dari negeri lain. Ini kerana setiap negeri mempunyai sektor wakaf sendiri yang perlu diselenggara dan diuruskan. Melalui kerjasama yang mendalam dengan YWM, MAINJ dapat menerima sumbangan kewangan daripada individu luar Johor, menunjukkan kepentingan kerjasama bagi memastikan kelancaran inisiatif wakaf tunai di peringkat nasional.

SWJ membawa peluang kebaikan yang agung kepada masyarakat Islam. Melalui usaha ini, pelaburan dalam saham diharapkan dapat meningkatkan kesejahteraan ekonomi komuniti.

Pendapatan dan pulangan yang diperoleh daripada pelaburan saham ini boleh digunakan untuk membiayai program-program sosial, pendidikan, dan kesejahteraan yang memberi manfaat terus kepada masyarakat Islam. Shariff & Hospital (2021) pelaksanaan program-program kebajikan yang dibiayai melalui pendapatan daripada pelaburan saham dapat membantu mengurangkan kadar kemiskinan dan meningkatkan akses kepada pendidikan berkualiti.

### **Niat Menyertai Wakaf Tunai**

Dalam semua hal aktiviti manusia, niat memegang peranan yang asas sebagai titik permulaan setiap tindakan. Perspektif ini ditekankan oleh Asmak (2009), di mana niat sebagai elemen pertama yang muncul di dalam hati individu dan menjadi asas bagi setiap tindakan. Dalam konteks pandangan Islam, kepentingan niat terungkap melalui peranannya dalam membezakan antara perbuatan ibadah dan perkara adat dalam kehidupan seorang Muslim. Tambahan pula, konsep niat ini juga mempunyai potensi untuk menghasilkan perasaan positif seperti kegembiraan dan kasih sayang.

Supian et al., (2021) menggariskan pengaruh niat terhadap keterlibatan dalam amalan wakaf dan selari dengan Chaerunnisa dan Kasri (2019) melaporkan hubungan antara niat dan tingkah laku dalam konteks wakaf, menunjukkan keberkesanan niat dalam memahami dan memberi dorongan kepada amalan kebajikan. Al-Jubari (2019) mengakui niat yang kukuh dan tulus memberi motivasi dan semangat kepada individu untuk terlibat dalam amalan wakaf yang mendorong mereka untuk mengatasi rintangan dan kesukaran yang mungkin timbul semasa melaksanakan amalan ini. Selain itu, niat yang benar juga mencipta daya tahan dan ketekunan, membolehkan individu untuk terus terlibat dalam wakaf tunai walaupun menghadapi cabaran.

### **Sikap**

Sikap ialah penampilan sesuatu aktiviti dan berkait rapat dengan elemen seperti instrumen atau penampilan diri, motif, kepercayaan serta cara berkelakuan. Sikap merangkumi hubungan antara kepercayaan, kawalan tingkah laku dan tindakan. Park & Lewis (2019) menyatakan bahawa konstruk sikap digunakan untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang seseorang atau kumpulan orang, dan membolehkan ramalan yang lebih tepat mengenai perilaku pembinaan mereka. Ramdhani (2016) mengakui sikap terbentuk melalui kepercayaan keinginan individu untuk berbuat sesuatu. Ini dibuktikan oleh Sanusi et al., (2019) telah mengesahkan secara empirikal bahawa sikap positif memainkan peranan penting dalam mempengaruhi niat individu dalam urusan niaga dan wakaf tunai di Malaysia.

Ajzen (1991) mendefinisikan sikap terhadap tingkah laku sebagai salah atau betul dan penentu niat dalam TPB yang merujuk kepada peringkat penilaian positif atau instrumen seseorang untuk tingkah laku berkenaan. Hasyim & Nurohman (2021) mendapati bahawa semakin positif sikap seseorang, semakin besar niat yang ada. Kesimpulannya, TPB relevan dalam memahami tingkah laku seperti sedekah, zakat, dan wakaf. Sikap mempengaruhi niat dan tindakan seseorang. Semakin positif sikap, semakin besar niat untuk bertindak.

*H<sub>1</sub>: Terdapat hubungan yang positif di antara sikap dengan penyertaan wakaf tunai.*

### **Norma Subjektif**

Norma subjektif merujuk kepada tekanan sosial yang dirasa oleh seseorang untuk melakukan atau tidak melakukan suatu tingkah laku. Ia melibatkan persepsi individu terhadap pendapat

orang lain yang relevan terhadap tingkah laku tersebut. Norma subjektif memberikan tekanan sosial kepada individu untuk melaksanakan atau tidak melaksanakan suatu tindakan, dan ini dikenali sebagai norma sosial. Amin dan Chong (2011) mendapati norma subjektif signifikan mempengaruhi niat dan tingkah laku dan selari dengan Lada et al., (2008) juga mendapati wujud hubungan yang kuat antara norma subjektif dan niat tingkah laku wakaf tunai. Selain itu, norma subjektif mencerminkan persepsi individu terhadap pendapat orang lain yang relevan terhadap tingkah laku yang akan dilakukan. Al-Harethi (2019) mendapati pengaruh yang signifikan norma subjektif terhadap niat dan perilaku sosial, termasuk dalam konteks wakaf tunai. Oleh itu, norma subjektif memegang peranan utama dalam membentuk perilaku sosial yang diamalkan oleh individu.

*H<sub>2</sub>: Terdapat hubungan yang positif di antara norma subjektif dengan penyertaan wakaf tunai.*

### **Kawalan Tingkah Laku**

Kawalan tingkah laku yang dirasakan didefinisikan sebagai satu keyakinan diri dari dalam diri atau luaran seseorang yang mengakibatkan kepada tindakan tingkah laku. Heikal (2014) menyatakan bahawa kawalan tingkah laku hanya boleh berlaku dengan tindakan tertentu. Sakti et al., (2016) menerangkan bahawa kawalan tingkah laku mempunyai pengaruh signifikan terhadap niat untuk terlibat dalam wakaf tunai.

Tommasetti et al., (2018) juga menegaskan bahawa kawalan tingkah laku merupakan konstruk yang mempengaruhi niat seseorang pelaku bertindak kepada sesuatu perbuatan baik atau sebaliknya yang signifikan berpengalaman. Berbeza pula dengan Khalifa & Shen (2008) menemukan bahawa kawalan tingkah laku seseorang tidak mempunyai pengaruh signifikan terhadap niat kepada tingkah laku. Namun, kebanyakan pengkaji terdahulu telah menemui secara empirikal bahawa kawalan tingkah laku mempengaruhi niat memberi sedekah. Demikian pula Setianagara (2019) melaporkan wujud lebih daripada satu faktor yang mempengaruhi niat dengan tingkah laku bersedekah di Indonesia.

*H<sub>3</sub>: Terdapat hubungan yang positif di antara kawalan tingkah laku dengan penyertaan wakaf tunai.*

### **Promosi**

Omar (2018) melaporkan gaya pengiklanan dan kempen yang semakin interaktif berikutan perkembangan teknologi dan komunikasi telah membuat perubahan dalam aktiviti pemasaran. Strategi pemasaran digital lebih produktif, membolehkan bakal pelanggan memperoleh segala jenis maklumat tentang produk dan mengurus niaga melalui internet. Aziz (2018) mendapati peranan media massa berkeupayaan tinggi dalam menyampaikan mesej berkesan supaya apa yang dipromosikan memberi kesan yang besar kepada penerimaan masyarakat di Indonesia.

Melalui kempen yang matang dan berfokus, maklumat tentang manfaat sosial, agama dan kemanusiaan wakaf tunai dapat disebarkan dengan berkesan serta membangkitkan semangat untuk menderma kepada usaha amal. Oleh itu, peranan promosi dalam konteks wakaf tunai adalah amat penting sebagai medium membawa perubahan positif dalam kehidupan golongan yang memerlukan, dan memberi peluang kepada penderma untuk terlibat dalam tindakan murni yang akan dikenang sepanjang zaman.

*H<sub>4</sub>: Terdapat hubungan yang positif di antara promosi dengan penyertaan wakaf tunai.*

## PERNYATAAN MASALAH

YWM di bawah Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) berperanan dalam mengumpul dan mengurus aset wakaf untuk memajukan ekonomi Islam. Fokus utama mereka adalah untuk menambah jumlah dana wakaf bagi menyokong pembangunan dalam pendidikan, kesihatan dan sektor sosial. Namun, fakta ini masih mencetuskan keraguan kerana isu tanah dan harta wakaf yang terbengkalai masih belum mendapat penyelesaian yang memuaskan. Isu ini bermula dengan keterbatasan dana tunai yang menghambat MAIN. Fenomena ini berlarutan dan belum memperoleh penyelesaian yang jelas. Hassan et al., (2021) menemui fenomena "miskin tunai kaya aset" menjadi realiti di Malaysia, yang menjerus kepada isu utama dalam pengurusan harta wakaf yang tidak produktif serta kekurangan dana wakaf tunai menjadi fokus perbincangan pengamal industri dan ahli akademik.

Abd. Jalil (2020), ironinya adalah membingungkan apabila penekanan, fokus, dan usaha telah dilakukan oleh pihak MAIN untuk mendorong penyertaan wakaf dalam kalangan masyarakat, namun is masih dipertikaikan. Melangkah lebih jauh, berdasarkan laporan MAINJ (2021) mendapati jumlah kutipan SWJ merosot sangat ketara bagi tempoh lima tahun bermula tahun 2017 hingga tahun 2021 seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.

**Jadual 1 : Jumlah Kutipan Saham Wakaf Johor tahun 2017 hingga tahun 2021**

Tahun	Unit Saham Wakaf Johor	Jumlah (RM)
2017	737445	7,374,450
2018	575420	5,754,200
2019	468161	4,681,610
2020	505464	5,054,640
2021	498772	4,987,720

Sumber : Majlis Agama Islam Negeri Johor (2021)

Fenomena nilai kutipan semakin merosot menunjukkan isu yang dihadapi oleh umat Islam di Mersing dalam menyertai wakaf tunai (SWJ). Situasi ini menjadi penghalang kepada usaha MAINJ melaksanakan projek untuk memajukan ekonomi Islam. Oleh itu, penyelidik memberikan penekanan TPB dalam menganalisis niat guru sekolah rendah melakukan wakaf tunai di Mersing. Dengan memahami faktor-faktor ini, langkah-langkah boleh diambil oleh MAINJ untuk meningkatkan kutipan SWJ di Mersing, Johor pada masa akan datang.

## PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah tahap kecenderungan guru untuk menyertai wakaf tunai?
2. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara sikap guru dengan penyertaan wakaf tunai
3. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara norma subjektif guru dengan penyertaan wakaf tunai
4. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kawalan tingkah laku guru dengan penyertaan wakaf tunai
5. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara promosi dengan penyertaan wakaf tunai

## OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenalpasti tahap kecenderungan guru untuk menyertai wakaf tunai
2. Menentukan sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara sikap guru dengan penyertaan wakaf tunai



3. Menentukan sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara norma subjektif guru dengan penyertaan wakaf tunai
4. Menentukan sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara kawalan tingkah laku guru dengan penyertaan wakaf tunai
5. Menentukan sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara promosi dengan penyertaan wakaf tunai

### HIPOTESIS KAJIAN

H1: Terdapat hubungan yang positif di antara sikap dengan penyertaan wakaf tunai

H2: Terdapat hubungan yang positif di antara norma subjektif dengan penyertaan wakaf tunai

H3: Terdapat hubungan yang positif di antara kawalan tingkah laku dengan penyertaan wakaf tunai

H4: Terdapat hubungan yang positif di antara promosi dengan penyertaan wakaf tunai

### METODOLOGI


Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai alat utama pengumpulan data dengan pendekatan reka bentuk kuantitatif (Creswell, 2013). Indeks alfa Cronbach digunakan untuk menilai kebolehpercayaan konstruk sikap, kawalan tingkah laku, norma subjektif, dan promosi terhadap wakaf tunai. Sampel kajian terdiri daripada 100 orang guru sekolah rendah di Mersing, Johor. Data dianalisis menggunakan PLS-SEM versi 3.39.

**Jadual 2: Maklumat Demografi Responden**

Item	N	%		N	%
<b>Jantina</b>			<b>Umur</b>		
Lelaki	26	26.0	24-30 tahun	9	9.0
Perempuan	74	74.0	31-35 tahun	14	14.0
			36-45 tahun	38	38.0
			46-55 tahun	31	31.0
			56-60 tahun	8	8.0
<b>Bangsa</b>			<b>Pendidikan</b>		
Melayu	99	99.0	SRP/PMR	0	0.0
Cina	0	0.0	SPM	0	0.0
India	1	1.0	STPM/Diploma	5	5.0
Lain-lain	0	0.0	Ijazah Sarjana Muda	91	91.0
			Ijazah Sarjana	4	4.0
<b>Gred Gaji</b>			<b>Pengalaman Mengajar</b>		
DG32	8	8.0	Kurang dari 1 tahun	7	7.0
DG34	6	6.0	1-3 tahun	3	3.0
DG41	22	22.0	4-7 tahun	7	7.0
DG44	49	49.0	8-11 tahun	22	22.0
DG48	15	15.0	12 tahun ke atas	61	61.00
			<b>Pengetahuan Tentang Wakaf Tunai (Saham Wakaf Johor)</b>		
			Ya	97	97.0
			Tidak	3	3.0

### Model Kajian


Kajian ini bersandarkan kepada Teori Tingkah laku Terancang (TPB) yang dibangunkan oleh Fishbein dan Ajzen (1991). Teori Tindakan Beralasan (TRA) Ajzen (1975) adalah asas kepada TPB yang meramalkan niat dan kecenderungan manusia untuk bertingkah laku.



**Rajah 1 : Teori TRA oleh Martin Fishbein dan Icek Ajzen (1975)**

Sikap merujuk kepada penilaian positif atau negatif terhadap sesuatu tindakan, manakala norma subjektif ialah persepsi tekanan sosial untuk melaksanakan atau tidak melaksanakan sesuatu tindakan. TRA dan TPB menyediakan asas untuk memahami motivasi dan tingkah laku manusia dalam pelbagai konteks. TPB mengembangkan TRA dengan memasukkan faktor kawalan tingkah laku, menjadikannya lebih holistik dan komprehensif dalam menganalisis dan meramalkan tingkah laku. TRA menekankan sikap dan norma subjektif, manakala TPB menambah dimensi kawalan tingkah laku. TPB bukan sahaja mempertimbangkan pandangan individu terhadap tingkah laku dan persepsi orang lain, tetapi juga mengukur sejauh mana individu merasakan mereka mempunyai kawalan ke atas pelaksanaan tingkah laku tersebut. Dengan menggabungkan konstruk daripada TRA dan menambah faktor kawalan tingkah laku, TPB memberikan pemahaman yang lebih menyeluruh tentang faktor yang mempengaruhi niat dan pelaksanaan tingkah laku manusia, yang membawa kepada pandangan yang lebih lengkap dan mendalam tentang motivasi individu.

Omar (2018) menekankan kepentingan promosi dalam konteks ekonomi Islam khususnya dalam SWJ. Beliau percaya promosi yang berkesan dapat menyampaikan maklumat tentang faedah dan objektif wakaf kepada masyarakat seterusnya dapat meningkatkan penyertaan dan sumbangan. Kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji kesan promosi terhadap niat guru menyertai wakaf tunai. Penyelidik menyambut saranan pengkaji lepas Trifiletti et al., (2022) mencadangkan agar model TPB diperhalusi dengan memasukkan elemen promosi untuk kajian masa hadapan. Oleh itu, dalam kajian ini hubungan antara sikap, norma subjektif, kawalan tingkah laku dan promosi sebagai pemboleh ubah bebas dan niat menyertai wakaf tunai sebagai pemboleh ubah bersandar seperti ditunjukkan pada rajah 2.



**Rajah 2 : Model Kajian TPB oleh Icek Ajzen (1991)**



Kajian ini menyumbang kepada pemahaman tentang faktor yang mempengaruhi niat dan tingkah laku dalam konteks yang berbeza, mengesahkan keberkesanan TPB sebagai rangka kerja teori yang luas dan relevan.

**DAPATAN**


**Niat Menyertai Wakaf Tunai**

Hasil kajian menunjukkan min niat guru menyertai wakaf tunai berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai min adalah 3.89 seperti yang ditunjukkan pada jadual 3. Keputusan ini menunjukkan guru berminat dan positif dengan wakaf tunai.

**Jadual 3: Min Niat Menyertai Wakaf Tunai (Saham Wakaf Johor)**

No.	Item/Soalan	Min	Sisihan Piawai
1	Saya akan menyertai Saham Wakaf Johor pada masa hadapan.	3.84	0.748
2	Saya berhasrat untuk menyertai Saham Wakaf Johor pada masa hadapan.	3.91	0.780
3	Saya mempunyai rancangan untuk menyertai Saham Wakaf Johor pada masa hadapan.	3.91	0.780
<b>Purata Keseluruhan</b>		<b>3.89</b>	<b>0.769</b>

Bagi mengesahkan kebolehpercayaan pemboleh ubah, ujian dalaman model dijalankan untuk menilai kebolehpercayaan struktur pemboleh ubah eksogen dan endogen. Ujian ini melibatkan pemerhatian *loading factor* (LF), di mana jika nilai LF melebihi 0.5, model dianggap sah (Hair et a., 2017). Berdasarkan rajah 3 yang diberikan, kesemua nilai LF menunjukkan nilai yang melebihi 0.5. Oleh itu, dari penilaian tersebut, dapat disimpulkan bahawa model dalaman layak untuk diteruskan ke peringkat seterusnya.



**Rajah 3: Loading Factor**

**Jadual 4: Keputusan Pengujian Hipotesis**

Pemboleh Ubah	Original Sampel	Sampel Mean	Standard Deviatian	T Statistics	P Value	Keputusan Hipotesis
Sikap->Niat	0.719	0.056	0.080	0.698	0.485	Ditolak
Norma Subjektif->Niat	0.212	0.213	0.076	2.784	0.005	Diterima
Kawalan Tingkah Laku->Niat	-0.049	-0.043	0.104	0.468	0.640	Ditolak
Promosi->Niat	0.056	0.711	0.083	8.716	0.000	Diterima

Hasil keputusan kajian menunjukkan bahawa terdapat dua konstruk iaitu sikap dan kawalan tingkah laku tidak signifikan dengan niat menyertai wakaf tunai, dengan nilai  $p=0.485$  dan  $p=0.640$ . Manakala dua lagi konstruk iaitu norma subjektif dan promosi

signifikan dengan niat menyertai wakaf tunai, dengan nilai  $p=0.005$  dan  $p=0.000$ . Dengan demikian, kesimpulannya memberi keputusan kepada hipotesis-hipotesis berikut:

- H<sub>1</sub>: Terdapat hubungan yang positif di antara sikap dengan penyertaan wakaf tunai- ditolak
- H<sub>2</sub>: Terdapat hubungan yang positif di antara norma subjektif dengan penyertaan wakaf tunai- diterima
- H<sub>3</sub>: Terdapat hubungan yang positif di antara kawalan tingkah laku dengan penyertaan wakaf tunai- ditolak.
- H<sub>4</sub>: Terdapat hubungan yang positif di antara promosi dengan penyertaan wakaf tunai- diterima.

## **PERBINCANGAN**

Dalam kajian ini, didapati niat guru untuk terlibat dalam wakaf tunai berada pada tahap sederhana tinggi, menunjukkan bahawa promosi dan penerangan mengenai manfaat dan tujuan wakaf tunai telah berjaya dalam membangkitkan minat dan mendapatkan penyertaan yang positif dari guru-guru. Kajian Mohd Zain (2019) mengakui bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara keikhlasan dan niat dalam konteks wakaf tunai. Selain itu, Armitage (2010) menyatakan bahawa niat memiliki keupayaan untuk meramalkan tindakan yang baik dan berterusan dalam jangka masa yang panjang.

Kajian ini mengungkapkan bahawa terdapat dua faktor utama, iaitu norma subjektif dan promosi, berkaitan secara positif dengan niat guru untuk terlibat dalam melakukan wakaf tunai. Promosi juga berfungsi sebagai pendorong kepada penyertaan aktif. Kempen yang berkesan ini memiliki daya untuk menanamkan keyakinan bahawa setiap sumbangan, seberapa kecil pun, mampu membawa perubahan yang hakiki. Melalui promosi yang penuh inspirasi, semangat untuk menyertai dalam program wakaf dapat dikuatkan

Promosi juga berfungsi sebagai alat untuk menghilangkan keraguan yang mungkin menghalang seseorang daripada berwakaf. Dengan menyediakan maklumat yang jelas dan tepat melalui bahan promosi, masyarakat dapat lebih memahami bagaimana proses wakaf dijalankan, bagaimana harta akan dikelola, dan bagaimana manfaatnya akan dirasakan oleh penerima manfaat. Ia membina kepercayaan dan memberikan jawapan kepada keraguan yang mungkin timbul. Maklumat tentang projek-projek yang telah berjaya dijalankan dengan bantuan wakaf akan menggambarkan kekuatan dan potensi penyertaan masyarakat. Sebagai kesimpulannya, promosi memainkan peranan jangka panjang dalam memperluaskan liputan dan mengekalkan penyertaan dalam program-program wakaf. Melalui usaha promosi yang berterusan, kesedaran dan penyertaan masyarakat terus ditekankan, menjana sumbangan berterusan bagi tujuan kemanusiaan

Dalam kajian ini, didapati kawalan tingkah laku dan sikap tidak mempengaruhi niat guru untuk menyertai wakaf tunai. Ini menunjukkan bahawa faktor luaran seperti peraturan dan penyeliaan bukanlah penentu utama niat guru dalam program ini. Sebaliknya, motivasi intrinsik dari dalam diri individu lebih besar pengaruhnya terhadap niat guru untuk melibatkan diri dalam wakaf tunai. Namun begitu, keputusan berbeza dengan kajian bebas yang menunjukkan persepsi kawalan tingkah laku merupakan faktor yang signifikan dalam mempengaruhi niat berwakaf. Dapatan kajian ini mencadangkan bahawa kurangnya pengetahuan tentang program wakaf tunai di kalangan guru-guru yang terlibat mungkin menjadi punca kurangnya pengaruh faktor kawalan tingkah laku yang signifikan. Kesimpulannya, kekurangan pengetahuan ini boleh menyebabkan kurangnya pertimbangan

kawalan tingkah laku sebagai faktor yang relevan dalam menentukan niat guru untuk menyertai program wakaf tunai.

## KESIMPULAN

Wakaf tunai memainkan peranan penting dalam ekonomi Islam dengan memperkukuh aspek sosial, keadilan, dan memberikan sumbangan yang mampan kepada pembangunan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat. Konsep ini menekankan penggunaan kekayaan untuk faedah awam, mengurangkan jurang ekonomi, dan meningkatkan kesejahteraan keseluruhan. Aset wakaf digunakan untuk pelaburan dalam projek produktif yang memberi manfaat kepada masyarakat, mengajar nilai belas kasihan dan penjagaan sosial. Wakaf tunai bukan sahaja instrumen keagamaan, tetapi juga mekanisme yang mampan untuk pembangunan ekonomi dan kebajikan sosial, mencerminkan komitmen Islam terhadap keadilan dan kelestarian. Penyertaan guru dalam wakaf tunai di Johor mewujudkan impak jangka panjang dengan meningkatkan kesedaran dan penglibatan masyarakat, dan guru sebagai pelabur aktif boleh menjadi pencetus penting untuk meningkatkan pemahaman tentang peranan wakaf dalam pembangunan mampan.

## RUJUKAN

- Abd. Jalil, M. I. (2020). Issues and Challenges of Waqf Practice in Malaysia: a Review. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society (LJMS)*, 80–86. <https://doi.org/10.51200/ljms.v14i.2868>
- Ajzen, I. , Fishbein, M. (1975), Belief, Attitude, Intention, and Behavior: An Introduction to Theory and Research, *Addison-Wesley, Reading, MA*.
- Ajzen, I. (1991). The Theory of Planned Behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179–211. [https://doi.org/10.1016/0749-5978\(91\)90020-T](https://doi.org/10.1016/0749-5978(91)90020-T).
- Al-Harethi, A. R. S. (2019). Factors Determine cash waqf participation in Kedah, Malaysia: Perception from students in Kolej University Insaniah. *IKONOMIKA: Jurnal Ekonomi Dan Bisnis Islam*, 4(1), 5– 59.
- Al-Jubari, I. (2019). College students’ entrepreneurial intention: Testing an integrated model of SDT and TPB. *SAGE Open*, 9(2), 1–15. <https://doi.org/10.1177/2158244019853467>
- Al-Zuhayli, W. (2012). *Mawsu‘at al-Fiqh al-Islami wa al-Qadaya al-Mu‘asirah. Dimashq: Dar al-Fikr*.
- Amin, H. and Chong, R. (2011), “Is the theory of reasoned action valid for Ar-Rahnu? An empirical investigation”, *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, Vol. 5 No.10, pp. 716-726.
- Armitage, C. J. & Conner, M. (2010). *Efficacy Of The Theory Of Planned Behaviour: A Meta-Analytic Review*. *The British Journal of Social Psychology*, 40, 4, 471-499.
- Aziz, M. A. (2018). Media Massa Islam Dalam Tatangan Global (Analisis Dakwah dan Cyber Media di Indonesia). *Islamic Communication Journal*, 2(2), 200.
- Chaerunnisa, S. R., Kasri, R. A., (2020). The Role Of Knowledge, Trust, And Religiosity In Explaining The Online Cash Waqf Amongst Muslim Millennials.
- Chengiz Toraman., Berdiye Tuncsiper., Cizakca M. ( 2007). *Cash Waqf In The Ottoman As Philanthropic Foundations And Their Accounting Practices*. 1-19. Kertas Kera Conference, banff Alberta Canada.
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*
- Hair, J. F., Hult, G. T. M., Ringle, C. M., & Sarstedt, M. (2017). *A Primer on Partial Least Squares Structural Equation Modeling (PLS-SEM)*.

- Hassan, S. H. M., Mustapha, R., Mahmud, M., Malkan, S. N. A., dan Hassan, N. H. C. (2021). The Influence of Promotion and Waqf Knowledge toward Cash Waqf Awareness in Pahang Region. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(4).
- Hasyim, F., Nurohman, Y.A. (2021). Adopsi Teori Perilaku Berencana Dalam Menganalisis Niat Melakukan Wakaf Tunai. *Journal of Among Makarti* Vol. 14 (1), 178
- Heikal, M., Hasballah, F., & Khaddafi, M. (2014). *The Intention to Pay Zakat Commercial: An Application of Revised Theory of Planned Behavior*. *Journal of Economics and Behavioral Studies*. <https://www.researchgate.net/publication/291522293>
- Islam, E., Ilmiah, J. (2022). *Analysis of Interest for Money Waqf Using Theory of Planned Behavior ( Case Study in Dompot Dhuafa Republika )*. 8(01), 841-864.
- Khalifa, M., & Shen, K. N. (2008). Drivers for transactional B2C M-commerce adoption: Extended theory of planned behavior. *Journal of Computer Information Systems*, 48(3), 111–117.
- Lada, S., Tanakinjal, G.H., Amin.H. (2009) Predicting Intention to Choose Halal Product's Using Theory of Reason Action. *International Journal of Finance and Management*, 20(1), 66-75
- Majlis Agama Islam Negeri Johor (2021). Laporan Kutipan Saham Wakaf Johor.
- Mohd Zain, N. H., Muda, M., & Rosman, R. (2019). Personality Factors Influencing Intention on Cash Waqf Behavior. *International Journal of Business, Economics and Law*, 18(2), 23–30.
- Nur Alya Sabreena Nor Azlan, Masfaliza Mohsen, Rozilah Kasim, dan Ismail Omar. (2020). Pembiayaan pembangunan tanah wakaf di Negeri Johor. *Research in Management of Technology and Business*, 1(1), 782–799.
- Omar, A. J., Yusoff, W. Z. W., Mohamad, M., dan Zahari, W. A. M. B. W. (2018). *Current Issue Corporate Waqf in Malaysia*. *Advanced Science Letters*, 24(5), 3045–3051. <https://doi.org/10.1166/asl.2018.11315>
- Park, H., dan Lewis, D. (2019). The Motivations Of External Whistleblowers And Their Impact On The Intention To Blow The Whistle Again. *Business Ethics: A European Review*, 28(3), 379-390.
- Ramdhani, N. (2016). Penyusunan Alat Pengukur Berbasis Theory Of Planned Behavior. *Buletin Psikologi*. 19(2), 55-69.
- Robledo, J. L. R., Arán, M. V., Martin-Sanchez, V., & Molina, M. Á. R. (2015). The moderating role of gender on entrepreneurial intentions: A TPB perspective. *Intangible Capital*, 11(1), 92–117. <https://doi.org/10.3926/ic.557>
- Sakti, M. R. P., Bin Mohd Thas Thaker, H., Qoyum, A., & Qizam, I. (2016). Determinants Of Cash Waqf Contribution In Klang Valley and Selangor: A SEM Approach. *Journal of Islamic Monetary Economics and Finance*, 2(1), 111–144. <https://doi.org/10.21098/jimf.v2i1.593>
- Sanusi, S. W. S. A., Yaacob, S. E., & Salleh, M. F. M. (2021). Waqf zurri: An Instrument For Estate Planning In Developing Islamic Civilization. *Journal of Al-Tamaddun*, 16(1), 139–152. <https://doi.org/10.22452/JAT.vol16no1.10>
- Setianagara, M. I. (2019). Perilaku Kederawatan Muslim Di Indonesia Studi Mengenai Intensi Dan Perilaku Bersedekah. Riset berupaya menganalisis fa. *Jurnal Ekonomi, Bisnis & Entrepreneurship*, 13(1), 1–16.
- Shariff, S., & Hospital, A. S. (2021). South Asian Review of Business and Administrative Studies Waqf Conceptual Model: A Practical Implementation for a Private Specialist Hospital. *South Asian Review of Business and Administrative Studies*, 3(2), 107–120.

- Supian, K., Norhasbi, A. S., Salina Rasli, Juliza, M., Hairin Nisa, M.N., Zainal Azhar, Z.A., (2021). Private Higher Education Institution Alumni Perception on Endowment Behavioral Intention: A Conceptual Framework. *International Journal of Academic Research in Bussines and Social Science*. 10.6007/IJARBSS/v11-i1/9002
- Tommasetti A., Singer P., Troisi O., Maione G. (2018). Extended theory of planned behavior (ETPB). Investigating customers' perception of restaurants' sustainability by testing a structural equation model, "Sustainability", vol. 10 no. 7, p. 2580
- Trifiletti, Elena Shamloo, Soraya E. Faccini, Martina Zaka, Agustina. (2022). *Psychological Predictors Of Protective Behaviours During The Covid-19 Pandemic: Theory Of Planned Behaviour And Risk Perception*. *Journal of Community and Applied Social Psychology*. Vol:32,382-397
- Zulkiflee, N., Wahid, H., dan Ahmad, S. (2015). Kesedaran Terhadap Wakaf Tunai: Kajian di Besut, Terengganu. *EpROSIDING SEMINAR FIQH SEMASA (SeFis)2015, June*, 1–11.